

11 OCT 1996

RASUAH DALAM SISTEM POLITIK NEGARA PERLU DIHAPUSKAN, KATA KIT SIANG

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Pemimpin pembangkang, Lim Kit Siang hari ini menyeru Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya memperluaskan perjuangan menentang amalan rasuah dan politik wang ke seluruh sistem politik negara.

Lim yang juga Setiausaha Agung DAP berkata, DAP menjanjikan sokongan penuh kepada Perdana Menteri jika ia diperluaskan ke sistem politik seluruh negara dan bukan hanya dalam Umno sahaja.

Ucapan Dr Mahathir yang penuh beremosi di perhimpunan agung UMNO semalam tidak berguna jika ia hanya bertujuan membanteras amalan buruk itu dalam UMNO sahaja dan bukan dalam seluruh sistem politik negara ini, kata Lim dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata ucapan Dr Mahathir semalam, sangat memberangsangkan dan mungkin yang paling menarik dalam kerjaya politik beliau sehingga ia bukan sahaja mencuit hati para perwakilan tetapi juga mereka yang menyaksikannya di televisyen.

Aktivis masyarakat Datuk Lee Lam Thye pula menganggap nasihat dan amanat Dr Mahathir membuktikan keiklasan dan ketegasan beliau dalam membanteras gejala politik wang dan rasuah yang boleh memusnahkan parti dan negara.

Keadaan itu menggambarkan perasaan Dr Mahathir yang sangat terganggu dengan gejala itu serta jelas menggambarkan bahawa beliau begitu komited terhadap perjuangan UMNO dalam menolak pemimpin-pemimpin yang mengamalkan rasuah dan politik wang, katanya dalam satu kenyataan. -- BERNAMA

RHM PR